

# 'Nelayan seolah-olah mencuri'

S H 2/7/2019 M/S 38

**Sanggup  
bersembunyi di  
kawasan hutan  
paya bakau**

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

**N**elayan yang tidak mempunyai lesen sanggup menyorok di kawasan hutan paya bakau bagi mengelakkan ditahan pihak berkuasa terutama di perairan Tanjung Piai.


Ahli Lembaga Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Johor Selatan, Yaacob Mohd Said, 61, berkata, isu ketiadaan lesen membabitkan kira-kira 50

nelayan tidak boleh dipandang remeh.

Menurutnya, desakan hidup menyebabkan mereka berani mengambil risiko menangkap ikan tanpa lesen.

"Mereka seperti mencuri kerana tiada lesen tetapi tetap turun ke laut untuk menyara keluarga," katanya ketika diminta mengulas mengenai hasil perbincangan Ahli Parlimen Tanjung Piai, Datuk Dr Md Farid Md Rafik bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani minggu lepas mengenai lesen nelayan.

Yaacob juga menyambut baik perutukan RM3 juta yang disalurkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi menambah baik



Isu lesen perlu diselesaikan segera bagi memudahkan nelayan mencari rezeki.

jeti di Parlimen Tanjung Piai.

Menurutnya, Parlimen Tanjung Piai mempunyai 16 pangkalan nelayan dan mereka menyambut baik

projek naik taraf jeti di setiap pangkalan kerana banyak yang rosak.

Yaacob turut mencecahkan supaya kerajaan meningkatkan sektor pe-



YAACOB

lancongan yang boleh menjadi sumber pendapatan tambahan nelayan yang kini hanya bergantung kepada tangkapan ikan dan udang.

"Parlimen Tanjung Piai mempunyai banyak kawasan hutan paya bakau dan perairan yang cantik kerana berada di sempadan yang dikongsi Indonesia dan Singapura.

info

Isu lesen kira-kira 50 nelayan di Tanjung Piai belum selesai

"Bantuan bot pelancong dan bimbingan kepada nelayan antara yang boleh membantu memulakan aktiviti pelancongan di sini," katanya.

Sementara itu, Dr Md Farid yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut membinangkan bantuan sara hidup nelayan serta kaedah terbaik meningkatkan ekonomi nelayan.

"Perbincangan bersama LKIM akan mengenal pasti inisiatif bagi menjana ekonomi nelayan pada masa depan," katanya.